

Rawat segera sebelum penagih menjadi pembunuh

Kuala Lumpur: Kira-kira 60 hingga 70 peratus penagih dadah perlu mendapatkan rawatan pakar psikiatrik atau bergantung dengan pelbagai jenis ubat-ubatan.

Itu adalah akibat daripada ketagihan dadah jenis stimulan iaitu methamphetamine atau bahasa jalarannya 'meth', 'ice', 'batu' atau 'syabu'.

Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) Ramli Abd Samad berkata, kebanyakan klien rumah Pengasih mengalami kecelaruan mental atau psikosis dan memerlukan rawatan lanjut.

Menurutnya, wujud beberapa peringkat gangguan mental iaitu ada penagih dadah jenis syabu ini yang hanya mengalami psikosis tahap sederhana saja dan individu ini perlu mengambil ubat secara berpanjangan.

"Saya boleh katakan, 60 hingga 70 peratus penagih dadah perlu bergantung dengan ubat-ubatan bagi individu yang mengalami masalah gangguan mental se-

derhana.

"Bagi klien kami yang sudah diperiksa oleh doktor pakar dan disahkan mengalami masalah gangguan mental kritikal, mereka perlu menjalani rawatan di hospital terlebih dahulu.

"Ini penting kerana mereka yang mengalami psikosis kritikal ini mampu untuk bertindak agresif sehingga kepada mencederakan orang atau membunuh kerana tidak mempunyai kestabilan mental," katanya.

Ramli berkata, sejak akhir-akhir ini, banyak kes membabitkan penagih dadah mengalami kesan psikosis kritikal yang mana mereka juga sanggup mencederakan individu lain, termasuk ahli keluarga.

Katanya, peranan keluarga adalah sangat penting untuk merujuk ahli keluarga yang me-

ngalami ketagihan dadah kepada hospital bagi rawatan lanjut.

"Kami di Pengasih sangat berterima kasih kepada Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang memberikan kami rawatan untuk diagnosis penagih dadah ini.

"Saya mengharapkan masyarakat lebih peka dengan keadaan sekeliling, termasuk ahli keluarga yang berdepan masalah ketagihan dadah serta tidak malu menghantar mereka untuk mendapatkan rawatan.

"Penagih dadah berulang yang mengalami psikosis kritikal ini perlu dirawat pakar perubatan bertauliah," katanya.



RAMLI